

Ingatannya berputar satu demi satu diikuti oleh jari yang sedang rancak mematak papan kekunci. Amir tidak mengambil indah kelipan lampu pada telefon di meja, tumpuannya masih kepada artikel yang terpapar pada Journal of Nanomedicine.

"Mustahil," gelaknya.

"Doktor Amir. Harap laporkan diri ke jabatan Nanomedicine!" tumpuan melayang jauh bila nama beliau berkumandang di interkom hospital.

Kelihatan nama Dr. Amir bin Aziz (Nanocologist) pada tag pengenalan yang tergantung dari leher. Lelaki tinggi lampai berkemeja hijau melepasi pintu automatik jabatan Nanomedicine. Dia disambut seorang juruteknik makmal di kaunter jururawat.

"Engkau lambat..." kata si juruteknik sambil menghulur fail yang sedang dibelek.

"Pesakit?" tanya Amir dengan rasa musykil. Jarang mereka mendapat pesakit di hospital.

Dalam masa dua abad manusia telah mencapai keabadian dari segi kejayaan dalam bidang teknologi nano. Manusia kini mampu menjana semula dengan pertolongan robot nano yang dipanggil nanites. Robot-robot mikroskopik setanding dengan saiz virus dan bakteria disuntik ke dalam saraf darah. Nanites mampu melepasi membran sel untuk memperbaikinya dan juga berkeliaran dalam saraf darah untuk melawan segala virus dan bakteria yang menceroboh tubuh pesakit. Apa yang pada mulanya merupakan rawatan alternatif bagi menangani barah berubah menjadi satu fenomena awet muda untuk terus hidup.

Amir membaca laporan di tangan, barisan demi barisan nombor dan data dibaca dua kali, ada di antaranya dibaca tiga kali. "Engkau pasti dengan ini?"

Juruteknik dari jabatannya mengangguk kepala.

"Bagaimana dengan kemerosotan tisu?"

"Berbanding dengan jenis gred nanites di dalam badan," jawab si juruteknik. "Bagi beliau dengan gred nanites lama, tisu merosot sebanyak enam puluh peratus dalam 48 jam. Badannya tidak dapat menampung nanites lagi."

Amir tidak mengenal erti tenang, dia terus melangkah masuk bilik penyisihan. Bentuk lelaki sedang menggeletar baring di atas katil. Amir perhatikan kulit si pesakit kendur, rambutnya putih.

“Engkau ingin aku hubungi Joana?”

“Eh...erm jangan,” jawab beliau. “Kita perhatikan keadaan dahulu.”

“Kita harus kawal keadaan ini,” kata si juruteknik lagi. “Bayangkan histeria yang akan terjadi jika berita tentang kegagalan keabadian manusia.”

* * *

“Dengan menyusutnya kadar kematian dan pembasmian penyakit, diikuti pula dengan kemajuan dalam nanotechnology, penduduk dunia semakin bertambah. Para pakar jangkakan dalam masa 80 tahun penduduk dunia akan mencapai 30 bilion.”

“Kerisauan yang dibangkitkan para pakar ialah semenjak manusia mencapai keabadian kita menggunakan 70 peratus sumber asli dari apa yang mampu dijana semula oleh bumi.”

Amir mematikan radio dalam perjalanan pulang di dalam kereta BMW. Hati dipalu gelisah. Ini merupakan kes pertamanya. Pernah dia dengar khabar tentang manusia yang cuba membunuh diri dengan menelan racun atau mengambil ubat secara berlebihan namun robot nanites yang diprogram menangani perbuatan sedemikian. Luka atau tulang yang patah pada tubuh dibaiki secara spontan oleh nanites. Dia melihat iklan papan tanda pada jalan susur keluar dari kota.

‘100 IS THE NEW 40’

Amir Aziz berdiri memerhatikan skrin LCD di ruang tamu yang memaparkan wajah Doktor Joana Cheng, pentabir Jabatan Nanomedicine. “Engkau dapat faks aku?”

“Uh-hu,” Joana mengangkat kepingan laporan makmal. “Engkau pasti dengan ini?”

"Aku sendiri membuat ujian darah," sambut Amir Aziz. Dia melihat Joana Cheng menggeleng kepala.

"Nanites diprogram untuk wujud bersama dan membantu sel-sel dalam badan manusia," mula Joana. "Bagaimana dengan gred terbaru?"

Amir Aziz menekan pad kekunci dan skrin LCD berpecah dua, sebelah kanan menunjukkan rakaman ujian darah mangsa dari mikroskop pendarfluor. Mereka lihat gred nanites yang diperkenalkan diserang oleh sel-sel darah putih.

"Berapa lama engkau mampu menahan kejadian ini?" tanya Joana Cheng, suaranya cemas.

"Dua, tiga minggu," jawab Amir Aziz.

Joana Cheng berdiam sejenak. "Aku akan hubungi makmal untuk memproses gred terbaru. Kita harus menaganni masalah ini sebelum ia berleluasa."

"Komputer...search...Enomwoyi Esi," kata beliau kepada alat Bluetooth selepas talian bersama pentadbir beliau tamat. Amir perhatikan skrin LCD mula berkelip dan barisan nama Enomwoyi Esi muncul pada skrin. Dia menekan kekunci kawalan dan mula menapis barisan nama di skrin. "Enomwoyi Esi, Doktor, Journal of Nanomedicine."

Akhirnya dia temui orang yang dimaksudkan. Amir menconteng alamat yang tertera sebelum beredar keluar.

Pandangan beliau tertumpu pada bangunan apartmen di persekitaran kota. Amir memeriksa kembali alamat yang diconteng. Jari beliau mengikut barisan nombor di lobi bangunan. Kamar 0849T, Amir menekan butang di sebelahnya. Suara serak seorang wanita berkumandang dari interkom.

"Doktor Enomwoyi Esi..."

"Ya."

"Saya Doktor Amir Aziz," sambut beliau. "Saya ingin bertemu dengan doktor tentang artikel yang ditulis doktor."

–Buzz–

Lif di lobi mula bergerak dan ternganga mengundang beliau masuk. Bunyi gemerengcing rantai dan mangga kedengaran sebelum pintu 0849T diselak dan muncul wajah wanita berkulit gelap. Si wanita merenung tajam ke wajah di hadapan.

Amir mengeluarkan tag hospital beliau. “Amir Aziz. Nanocologist...”

“Hmmm...”

Pintu kamar tutup dengan serta merta, bunyi gemerengcing kedengaran lagi sebelum ia dibuka sepenuhnya. Amir perhatikan wanita Afrika yang tinggi lampai, dihias rambut kerinting putih. Wajah Enomwoyi Esi kelihatan letih dan berkedut, wanita ini tidak menggunakan perubatan nano.

“Saya ada dengar tentang doktor,” kata Enomwoyi Esi. “Nanocologist yang unggul dan dihormati. Pasukan doktor merevolusikan persada perubatan.”

“Saya juga ada dengar tentang engkau...”

“Heh, bahagian mana yang engkau dengar? Bahagian rakan-rakan yang panggil saya gila kerana mengeluarkan artikel itu atau dunia yang memulaukan saya?” kata Enomwoyi Esi.

“Artikel doktor menyatakan tentang evolusi manusia...”

“Bukan seperti yang dicadangkan oleh Darwin,” tegas Enomwoyi Esi. “Engkau seorang doktor, engkau tahu keadaan manusia yang mampu menyesuaikan diri. Bila terdedah kepada sesuatu buat jangka masa yang lama kita menyesuaikan diri supaya kita memenuhi kudarat alam. Walau bagaimanapun kita cuba melawan.”

“Apa salah laku yang ada dengan nanites?” tanya Amir Aziz. “Islam menggalakkan kita menggunakan rawatan perubatan, kerana Allah tidak membuat penyakit tanpa menunjukkan penawarnya.”

“Keabadian,” sambut Enomwoyi Esi. “Salah laku engkau bukan terhadap teknologi nanites, ia merupakan sebuah ilmu yang sudah lama kita cari dan itu hak kita. Salah laku engkau

ialah melahirkan ideologi keabadian. Bahawa kita mampu hidup selama-lamanya. Tidak ada kesalahan atau jujuknya menjadi tua.”

Amir Aziz ketawa mendengar kata-kata sedemikian. “Nanites hanya melanjutkan umur seseorang itu, perbaiki apa yang rosak.”

“Berapa lama? Lima puluh tahun... selepas itu?” Enomwoyi Esi melihat wajah Amir Aziz. “Anda memperkenalkan gred baru untuk melanjutkan usia lagi lima puluh, lapan puluh tahun, dan selanjutnya.”

“Lihat apa yang kita telah capai dengan dilanjutkan usia,” kata Amir Aziz. “Pencapaian sains, penjelajahan angkasa lepas...”

“Lihat juga apa yang kita telah berlaku disebabkan keinginan kita untuk hidup selama-lamanya,” sambut Enomwoyi Esi sambil melontar suratkhbar edisi terkini yang menonjolkan tajuk berita: TEKNOLOGI NANO: PEMBASMI PENYAKIT, PEMBASMI KEMANUSIAAN.

“Kita memang dijadikan sebegini doktor. Kita tidak akan puas dengan pencapaian kita. Orang ada kereta baru, kita mahu kereta lagi baru. Orang ada rumah baru kita mahu rumah lagi baru,” kata Enomwoyi Esi dengan senyuman.

Enomwoyi Esi menghulur kertas dengan alamat GPS kepada tetamunya. “Jika anda ingin berbual lebih lanjut...”

* * *

“Amir,” suara di sebelah menarik perhatian beliau dari taman ingatan. Kedengaran suara Chief of Medicine berkumandang dari hologram memberi taklimat kepada jabatan perubatan nanomedicine.

“Kita berada di ambang satu kemajuan besar,” kata beliau. Seorang lelaki lewat 80-an yang kelihatan tegap kelihatan dalam usia 40-an, terima kasih atas perubatan nano dan robot nanites. “Jabatan ini akan mengeluarkan secara berperaturan nanites gred terbaru yang akan melancar rawatan nano ke alaf baru dan seterusnya.”

“Engkau memberi kebenaran untuk mengeluarkan gred baru!” Amir menarik tepi Joana Cheng selepas taklimat Chief of Medicine.

“Apa yang kita temui merupakan satu kes terpencil, tiada kes lain di hospital serata negeri,” kata Joana Cheng. “Jika khabarnya keluar, engkau tahu akan kesan yang kita akan hadapi.”

“Engkau lihat apa yang terjadi, gred nanites terbaru tidak mempunyai kesan langsung,” sambut Amir.

“Ia cukup untuk megawal keadaan,” sambut Joana Cheng dengan senyuman sinis. “Lagi pun mereka tidak tahu yang ia tidak berkesan.”

Manusia begitu angkuh untuk mencapai keabadian, kita sanggup menutup mata terhadap akibat dari tindakan kita. Amir melihat Joana Cheng menyambut para pemberita dengan senyuman dan kata-kata manis.

“Engkau ingin pulang?” tanya rakannya sebaik sahaja Amir mengumpul beg dan peralantan beliau. “Pihak media ingin menemu ramah engkau.”

“Aku pasti engkau boleh mengambil alih,” jawab Amir. “Lagi pun sudah lama engkau inginkan perhatian, nah ini peluang engkau.”

Terhembus angin malam yang tidak terarah, Amir Aziz berdiri dengan kertas di tangan kanan. Koordinat GPS yang diberi Enomwoyi Esi merupakan kedudukan sebuah hospital terbiar di pinggir bandar. Luar dari campur tangan pihak berkuasa.

“Doktor Amir,” suara menyapa nama beliau. Enomwoyi Esi muncul dengan selimut tebal melindunginya dari kesejukan malam.

“Saya kenal tempat ini,” Amir Aziz melihat bangunan hospital ala kolonial, yang dibina oleh penjajah. Tempat ini merupakan tempat bermulanya kerjaya beliau sebagai seorang doktor. Tempat dia belajar merangkak dan berjalan sebelum dia berlari keluar. Kini bangunan hospital lama hanya sebuah pusaka. Mereka melangkah masuk ke lobi yang malap.

“Kita menguruskan beberapa klinik untuk merawat pesakit, terdapat juga dua bilik pembedahan kecil, sebuah farmasi dan juga jabatan diagnostik,” Enomwoyi Esi memberi keterangan. “Hospital ini mampu menampung dan merawat dua ratus pesakit.”

Amir Aziz tercengang melihat suasana sibuk. Lelaki dan perempuan beratur untuk mendapat rawatan. “Mana engkau dapat duit untuk mengendalikan semua ini?”

Enomwoyi Esi tersenyum mendengar pertanyaan itu. “Tidak semua dari kita ingin hidup selama-lamanya doktor. Wang dana kita datang dari syarikat-syarikat atas belas kasihan, juga atas perasaan serba salah kerana apa yang telah mereka lakukan. Juga dari dermawan yang tidak dikenali. Kami tidak cerewet.”

“Engkau yang hantar pesakit ke jabatan aku untuk menarik perhatian aku,” mula Amir Aziz. “Sekarang engkau mempunyai perhatian aku.”

Enomwoyi Esi tenung wajah si Doktor muda. “Sudah masanya kita keluar dari mimpi keabadian ini doktor.”

Amir Aziz menggeleng kepala mendengar kata-kata yang keluar dari wanita Afrika. Dia faham akan kehendak beliau. “Permintaan doktor, bagai menentang matahari.”

“Aku faham keperihatinan engkau,” sambut Enomwoyi Esi dengan senyuman. “Berbeza dari engkau doktor, khidmat aku di dunia ini terhad.”

* * *

“Engkau tahu bahawa dengan melakukan ini engkau akan dipulaukan, dan nama engkau akan dicemari,” suara Enomwoyi Esi bergema di alat Bluetooth.

“Aku sedar akan akibatnya,” kata Amir Aziz. Dari kamar hotel Amir merenung ke barisan bangunan pencakar langit yang menghias kota metropolitan di mana dia berada untuk konvensyen kesihatan.

Teksi yang membawa beliau ke pusat konvensyen terkandas akibat tunjuk perasaan di jalan raya daripada para aktivis yang membawa sepanduk membangkang teknologi keabadian dan juga melaungkan kata-kata kutukan

kepada wakil-wakil syarikat. Anziati menggenggam hati Amir Aziz semenjak dia keluar dari jabatan Nanomedicine, beliau kerap menerima ancaman terhadap nyawanya. Tidak semua manusia ingin hidup selama-lamanya, mereka yang ingin akan melakukan apa sahaja.

“Doktor Amir, sila ikut saya,” kata pihak keselamatan kepada beliau sebaik sahaja dia lepas barisan pemeriksaan keselamatan. Dia dibawa ke dalam bilik menunggu dengan nama beliau. Skrin televisyen di dalam bilik menunjukkan bilik konvensyen, barisan meja penuh dengan wakil dari merata dunia, CEO, menteri dan orang-orang ternama.

Amir Aziz membetulkan mikrofon di atas rostrum. Dia meluruh pandangan jauh ke belakang bilik konvensyen. Desiran yang mula bila nama beliau disebut mula reda bila dia berdiri menghadap khalayak ramai. Menggunakan skrin LCD pada rostrum Amir muat naikan data ke dalam sistem. Setiap skrin di barisan meja mula berkelip, hologram utama di pentas mula hidup dan memaparkan klip video yang dirakamkan menggunakan mikroskop pendarfluor.

Dengung suara beliau berkumandang di luar bangunan dan bilik konvensyen. Di jalan raya aktivis-aktivis yang membawa sepanduk berdiam mendengar dan melihat rakaman pada skrin di permukaan bangunan.

SEPASANG TANGAN MEBETULKAN ALAT PENDENGARAN YANG MELINGKUNGI DAN MENANGKUP DI TELINGA.

“Kita, manusia bermegah dengan ciptaan kita hingga kita lupa tidak ada yang akan kekal di dunia ini, walau bagaimana pintar dan canggih ciptaan kita,” kata Amir Aziz lagi. Penglihatan mereka di dalam dan luar bilik konvensyen terlekat pada skrin dan pada hologram di pentas yang memainkan gambar nanites dari teknologi nano ciptaan mereka diserang oleh sel-sel darah putih.

–BUNYI STATIK–

“Tidak guna saya bersandiwara,” mula Amir Aziz. “Anda tahu siapa saya, anda pasti sudah dengar khabar berita tentang perlakuan saya dan saya pasti anda semua tahu tujuan saya ke sini.”

–“**AKU BERADA DI KEDUDUKAN**”–

–BUNYI STATIK –

“Kita sedang berhadapan dengan evolusi yang tidak pernah kita fikir, homeostasis, kemampuan organisme beradaptasi untuk menjaga keseimbangan dalam tubuh. Misalannya, menyerang nanites. Ciptaan kita untuk mencapai keabadian...”

–“LAKUKANNYA”–

–“MEMBUAT TEMBAKAN”–

–BANG–

Amir terasa tubuhnya bagai dihentak dengan tukul besi. Tercegat berdiri, dia sempat menyaksikan keadaan dalam bilik konvensyen menjadi kelam-kabut. Orang ramai lari lintang pukang, beberapa pegawai memakai pakaian seragam polis bergegas ke arah beliau. Kini Amir tidak dapat menahan sakit yang mula merebak ke urat sarafnya. Tubuh beliau rebah di atas pentas. Menggelepar. Darah berlumuran di seluruh tubuh Amir Aziz, namun semacam ketenangan terjala di jiwanya.

‘Dan janganlah kamu campur adukkan yang hak dengan yang batil dan janganlah kamu sembunyikan yang hak itu, sedang kamu mengetahui’

– Surah Al-Baqarah : ayat 42

–TAMAT–

(2,052 perkataan)